

**KAJIAN PENGGUNAAN UBATAN TRADISIONAL DI PASAR TAMU DAN
PASAR BESAR DAERAH TAWAU, SABAH: SATU TINJAUAN.**

AHMAD BADAWI BIN JAMALUDDIN

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
DENGAN KEPUJIAN**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**PROGRAM BIOLOGI PEMULIHARAAN
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

MEI 2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: KAJIAN PENGGUNAAN UBATAN TRADISIONAL DI PASAR TAMU DAN PASAR BESAR TAWAU, SABAH : SATU TINJAUAN

IJAZAH: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUTIAN BIOLOGI PEMULIHARAAN

SAYA AHMAD BADAWI BIN JAMALUDDIN SESI PENGAJIAN: 2004 - 2007
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh



(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: NO.3, KG. JAWA
PETI SURAT 62428, 91034
TAWAU, SABAH

DR. KARTINI SAIBEH

Nama Penyelia

Tarikh: 18/09/2007

Tarikh: _____

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

27 Mei 2007



AHMAD BADAWI BIN JAMALUDDIN

HS2004-6038



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DIPERAKUKAN OLEH**TANDATANGAN****1. PENYELIA**


(Dr. Kartini Saibeh)

**2. PEMERIKSA 1**


(Dr. Idris Mohd Said)

**3. PEMERIKSA 2**

(Prof. Madya Dr. Monica Suleiman)

**4. DEKAN**

(Prof. Madya Shariff A.K Omang)

**UMS**
UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

Alhamdulillah dan syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNYA dapatlah saya menyiapkan kerja penyelidikan saya untuk pertama kalinya di dalam hidup saya. Kerja penyelidikan ini adalah wajib untuk saya bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Biologi Pemuliharaan.

Penghargaan ini juga saya tujukan buat penyelia kerja penyelidikan saya iaitu Dr. Kartini Saibeh yang tidak pernah berputus asa dalam membantu saya untuk menjayakan hasil penyelidikan yang saya kaji ini. Saya amat berterima kasih dengan segala tunjuk ajar yang telah diberikan oleh doktor kepada saya. Semoga dengan sumbangan dan jasa baik doktor akan dibalas baik oleh Allah S.W.T.

Selain itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang membantu saya dalam menjayakan kajian penyelidikan ini. Terutamanya kepada Saudari Siti Zuraidah Che Harun yang tidak mengenal penat lelah dalam membantu saya untuk mendapatkan data bagi keputusan di dalam kajian penyelidikan ini.

Tidak lupa juga saya merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada ayah dan ibu saya yang sentiasa memberikan semangat kepada saya. Mereka tidak mengenal penat lelah untuk memberi motivasi rangsangan yang baik kepada saya bagi menjayakan hasil kerja saya ini. Semoga segala semangat dan motivasi

ini akan meneruskan lagi perjuangan saya di dalam bidang ilmu sains ini. Saya amat berterima kasih kepada ayah dan ibu dan harapan saya agar saya dapat memberi balasan yang lebih baik dan terbaik kepada mereka.

Kepada peniaga dan penjual ubat-ubatan yang telah memberikan kerjasama kepada saya, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pertolongan anda semua. Tanpa anda tidak berjaya lah kajian penyelidikan ini. Sekali lagi ucapan setinggi-tinggi ribuan terima kasih saya ucapkan.

Akhir sekali, saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada sesiapa sahaja yang telah memberikan kerjasama di dalam kajian penyelidikan saya ini. Semoga dengan apa bentuk bantuan yang telah tuan-tuan dan puan-puan berikan kepada saya akan di balas dengan kebaikan.

Sekian, terima kasih.

WASSALAM

ABSTRAK

Kajian ke atas ubat-ubatan yang dijual di daerah Tawau, Sabah telah dilakukan bermula 05 Mei 2007 sehingga 27 Mei 2007. Kajian menunjukkan beberapa jenis ubatan tradisional yang digunakan oleh penduduk di daerah Tawau. Antara ubatan tradisional yang dapat dikenalpasti ialah Minyak Gamat, Minyak Kayu Putih, Kuda Laut, Ginseng, Emas Cotek, Minyak Tawon, Minyak Serai Cap Kuda, dan lain-lain. Tujuh peniaga dan 100 pengguna ubatan tradisional telah ditemuramah. Kaedah temuramah ini adalah lebih kepada kegunaan ubat dan suku kaum yang terlibat dalam kajian ini. Antara penyakit yang biasa dirawat adalah seperti sakit perut, gatal-gatal, kulit melecur, luka-luka ringan, lebam, gigitan serangga, sakit tulang, sakit kepala, resdung, asma, sakit pinggang, memulihkan tenaga dalaman, sakit gigi, sawan, pening, kudis, bisul, panau, batuk, buasir, rawatan selepas bersalin, dan sebagainya. Kaum Bugis (40%) adalah tertinggi menggunakan ubat tradisional diikuti oleh kaum Bajau (28%). Kaum Cina, Bisaya, Suluk, dan Butun adalah paling kurang menggunakan ubat tradisional (1%). Ubatan tradisional yang paling kerap digunakan adalah Minyak Gamat (14%) dan Minyak Kayu Putih (14%).

ABSTRACT

The research about traditional medicines which were sold in Tawau, Sabah has been carried out from 5 May 2007 until 27 May 2007. The research showed a few types of traditional medicine which are used by the resident in Tawau. Some of the traditional medicines that have been identified are Gamat Oil, Kayu Putih Oil, Sea Horse, Ginseng, Emas Cotek, Tawon Oil, Serai Oil, and others. Seven of the sellers and 100 users of traditional medicine were interviewed. This interviewed method is more to the uses of the medicine and who are included in this research. Some of the diseases that can be treated using traditional medicine are stomach-ache, itchy, scalded, small injury, blue-black, insect bite, bone pain, headache, catarrh, asthma, waist pain, cure inner energy, toothache, fit, dizzy, scabies, boil, white spots, cough, haemorrhoids, post partum, and others. The Bugis's are the highest (40%) user of traditional medicine followed by the Bajau's (28%). The Chinese, Bisaya, Suluk, and Butun are the lowest (1%) user. Traditional medicine frequently used are Gamat Oil (14%) and Kayu Putih Oil (14%).

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xii
SENARAI SIMBOL	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Rasional Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	4

BAB 2 ULASAN LITERATUR

2.1 Definisi	6
2.2 Perubatan Tradisional	8
2.3 Sejarah Daerah Tawau	10
2.3.1 Definisi	10
2.4 Masyarakat Daerah Tawau	12
2.4.1 Suku Kaum di Daerah Tawau	14

BAB 3 BAHAN DAN KAEDAH

3.1 Lokasi kajian	19
3.2 Pengumpulan maklumat dan sampel	20
3.2.1 Contoh borang kaji soal-selidik	21
3.3 Kajian Perpustakaan	23



3.4	Pengecaman ubatan (tumbuhan atau haiwan)	23
3.5	Analisis Data	24
BAB 4	KEPUTUSAN	26
BAB 5	PERBINCANGAN	47
BAB 6	KESIMPULAN	52
RUJUKAN		54
LAMPIRAN		57



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Statistik populasi (banci 1991) bagi penduduk warganegara Malaysia dan bukan warganegara yang menetap di daerah Tawau.	13
4.1	Pecahan pembahagian borang di antara penjual ubat-ubatan tradisional dan penggunanya.	26
4.2	Senarai ubat-ubatan tradisional dan nama saintifik yang dapat dikenalpasti di daerah Tawau.	27
4.3	Kegunaan dan kepentingan setiap ubat-ubatan tradisional yang dapat dikenalpasti di daerah Tawau.	28
4.4	Statistik penjual ubat-ubatan tradisional di daerah Tawau.	35
4.5	Peratus pengguna ubatan tradisional mengikut suku kaum di daerah Tawau.	36
4.6	Peratus penggunaan ubatan tradisional mengikut jenis ubatan di daerah Tawau.	38



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Peta lokasi kajian di Tawau.	19
4.1 Statistik pengguna ubatan tradisional mengikut suku kaum di daerah Tawau.	37
4.2 Peratus pengguna ubatan tradisional mengikut nama ubatan di daerah Tawau.	39



SENARAI FOTO

No. Foto		Muka Surat
4.1	Emas Cotel, Serapat Angin, Daun Perawan	40
4.2	Minyak Kayu Putih	41
4.3	Kuda Laut	41
4.4	Minyak Serai Cap Kuda	42
4.5	Ginseng	42
4.6	Minyak Gamat	43
4.7	Minyak Tawon	43
4.8	Jerangau Merah	44
4.9	Betet	44
4.10	Liquid Chlorophyl	45
4.11	Gamat Ekstrak	45
4.12	Buah Matayak	46

SENARAI SIMBOL

km ²	kilometer persegi
km	kilometer
°C	darjah celcius (pengukuran suhu)
mm	milimeter
%	peratus
RM	nilai mata wang bagi Malaysia
AS	Amerika Syarikat



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sabah adalah negeri yang kedua terbesar di Malaysia. Ia terletak di utara Pulau Borneo, pulau ketiga terbesar di dunia. Kawasannya meliputi kawasan seluas $72,500 \text{ km}^2$, pantai sepanjang 14,400 km dengan Laut Cina Selatan terletak di pantai barat, Laut Sulu di sebelah timur dan Laut Celebes di sebelah selatan (Jabatan Muzium Sabah, 1992).

Tawau merupakan sebuah daerah yang terletak di Pantai Timur Negeri Sabah dan berkongsi sempadan dengan Kalimantan Indonesia sementara lautnya dikelilingi oleh Laut Sulu di Timur dan Laut Sulawesi di Selatan. Penduduk daerah Tawau adalah terdiri daripada berbagai suku etnik seperti Melayu, Kadazan, Cina, Bajau, Suluk, Bugis, Tidung, Jawa, Timor, Iban, Buton, Toraja, Banjar, Bisaya, Indonesia, India, Pakistan, Arab, Murut, Filipina, Orang Sungai, dan sebagainya.

Tawau adalah sebuah daerah pertanian dan atas sebab itulah daerah Tawau digelar “Bumi Peladang”. Walaupun banyak teori tentang asal-usul nama “Tawau”, namun

dipercuryai bahawa perkataan itu adalah bahasa Tidung, “*Tamao*” yang bermaksud satu cara menangkap ikan di sungai Tawau (Mario Domingo, 2003)

Perubatan tradisional adalah perubatan warisan secara turun temurun. Sejarahnya telah lama wujud di dunia ini berbanding perubatan moden, keadaan atau cara telah dilakukan dalam usaha mendapatkan ubat-ubatan yang benar-benar berkesan bagi mengubati pesakit-pesakit secara tradisional. Dalam masyarakat Malaysia kaedah perubatan tradisional biasanya diamalkan dengan menggunakan jampi serapah di samping ubat-ubatan asli yang didapati daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan dan serangga.

Perubatan tradisional telah berkembang menjadi salah satu cabang ilmu perubatan yang amat penting kerana ia memberi sumbangan ke arah meningkatkan lagi taraf kesihatan dan kehidupan para penduduk di negara ini. Perubatan tradisional masih diperlukan sebagaimana pada zaman dahulu, walaupun dunia perubatan semakin canggih serta moden. Malahan dalam beberapa jenis penyakit, sistem perubatan tradisional ternyata lebih berkesan daripada perubatan moden (Vancat, 1970).

Penggunaan bahan-bahan perubatan yang berasal dari alam sudah dikenalpasti dan amat luas di masyarakat kita sejak zaman dahulu lagi. Justeru, ubat tradisional adalah istilah yang terkenal. Ia juga mendapat perhatian dalam masyarakat hari ini. Buktinya, perkembangan bagi perusahaan jamu telah meningkat, perdagangan ubat cina semakin dikenali ramai, bahan-bahan ubat yang lain telah laris di pasaran. Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa perhubungan antara manusia dengan perubatan tradisional memang

banyak memberi manfaat kepada manusia sejagat sekiranya digunakan dengan cara yang betul (Ahmad Abdul Rahman, 1992).

Tuhan telah menganugerahkan alam semester ini kepada manusia dengan pelbagai sumber. Antara sumbernya ialah sumber alam semulajadi iaitu tumbuh-tumbuhan atau hutan belantara. Malaysia yang terletak di kawasan tropika, dengan suhu yang tinggi sepanjang tahun iaitu di antara 26°C hingga 27°C dan menerima hujan lebat sepanjang tahun iaitu antara 1500 mm hingga 2500 mm. Malaysia mempunyai kawasan hutan yang luas iaitu 72 % (57% hutan semulajadi dan 15% hutan ditanam semula) dan ini merupakan satu jumlah yang boleh dibanggakan berbanding dengan negara membangun yang lain (Azizol Abd. Kadir, 1996).

Hutan mempunyai banyak kepentingan dan kegunaan kepada manusia. Antaranya ialah sebagai sumber oksigen kepada manusia dan haiwan, habitat semulajadi bagi hidupan liar, kawasan tадahan air dan membekalkan sumber bahan-bahan mentah seperti kayu-kayan, rotan, buluh, buah-buahan, kayu api, damar, gam, sayur-sayuran, minyak pati dan tumbuhan ubat-ubatan. Hutan boleh dijadikan sebagai kawasan penyelidikan semulajadi kerana terdapat beribu-ribu spesies tumbuhan terdapat di dalamnya. Dianggarkan sebanyak 150,000 spesies daripada 250,000 spesies tumbuhan berbunga yang diketahui di dunia adalah berasal dari kawasan-kawasan tropika. 35,000 spesies terdapat di Asia Tenggara dan 8000 daripadanya terdapat di Malaysia. Dilaporkan 6000 daripada spesies tumbuhan berbunga di Asia Tenggara ini mempunyai nilai perubatan dan

sebanyak 1230 daripadanya telahpun digunakan di dalam perubatan tradisional di Malaysia (Azizol Abd. Kadir, 1996).

1.2 Rasional kajian

1. Sistem perubatan tradisional dikalangan bumiputera Sabah merupakan salah satu peninggalan yang sering dipelajari dan dikaji secara mendalam lagi. Terdapat maklumat-maklumat yang baru tentang perubatan tradisional dan perlu di kaji lagi.
2. Memberi tumpuan kepadaan jenis ubat dan kegunaannya di kalangan suku kaum di Sabah serta mengetahui sumber ubatan tersebut.
3. Universiti Malaysia Sabah kini memerlukan lagi pelbagai maklumat yang terkini dari segi aspek pendidikan terutamanya yang berkaitan dengan program pelajar. Justeru, maklumat perubatan tradisional ini dapat menambahkan lagi maklumat yang terkini dan melalui penyelidikan ini juga, ia akan dapat membantu dalam menambahkan koleksi rujukan tumbuhan ubat-ubatan.

1.3 Objektif kajian

1. Mengenalpasti serta meninjau ubatan tradisional (jenis-jenis dan sumber-sumber ubatan tumbuhan atau haiwan) yang dijual dan digunakan di daerah Tawau, Sabah.
2. Mengkelaskan setiap ubatan tradisional yang dijual di daerah Tawau mengikut kadar penggunaan berdasarkan suku kaum.

3. Membantu Universiti Malaysia Sabah dan masyarakat di Malaysia dalam menambahkan maklumat yang terkini berkenaan dengan ubatan tradisional.

BAB 2

ULASAN LITERATUR

2.1 Definisi

Menurut kamus dewan, definisi bomoh ialah orang yang mencari pesakit serta menawarkan penyakit tanpa diminta. Pawang pula membawa maksud orang yang mempunyai kebolehan, istimewa untuk melakukan sesuatu (biasanya ia menggunakan kuasa ghaib) serta pandai mengubati orang dengan jampi dan mentera. Dukun pula orang yang mengubati pesakit dengan cara kampung iaitu secara tradisional, manakala tabib membawa maksud orang yang mahir dalam hal kaedah-kaedah mengubat penyakit serta berpengetahuan di dalam konsep perubatan. Secara ringkasnya, perubatan tradisional dilakukan oleh setiap mereka yang mahir dalam mengubati pesakit dengan cara-cara yang berbeza (Norhalim Haji Ibrahim, 1997).

Pawang atau dukun merupakan orang yang paling atas sekali kedudukannya dalam masyarakat orang-orang Melayu zaman dahulu. Pawang adalah tempat mereka menumpukan segala kepercayaan, perlindungan, dan pertolongan. Segala-gala kerja terserah pada pawing. Di dalam segala upacara pawing mestilah dijemput dan diajak bermesyuarat. Jika hendak diadakan istiadat perkahwinan pawing didahuluikan. Apa kata

pawang bererti itulah yang mereka ikut. Semakin banyak kepandaian jampi-menjampi, semakin tinggilah kedudukan pawang itu. Untuk membuka hutan, menebang pokok, mendirikan rumah, kenduri-kendara, mengubat sakit, pawang mengambil peranan utama. Pawang dapat mengenal rupa semangat dan tahu akan asal-usul semangat itu. Pawang itu dapat pula menghalau semangat yang jahat dan menjemput semangat orang mati dengan hantu menerusi jampi menteranya. Begitu besar sekali peranan pawang atau dukun.

Berhubung dengan kepercayaan-kepercayaan yang telah diterangkan di atas ini masih ada lagi yang diamalkan oleh orang-orang Melayu sekarang ini, iaitu yang berhubung dengan animisme terutamanya orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung. Kepercayaan itu masih bertapak di hati mereka. Kemasukan pengaruh asing seperti pengaruh-pengaruh barat yang tidak mempercayai animisme dan terlalu sekali bertentangan dengan pengaruh barat itu sendiri. Namun masih ada dalil-dalil yang membuktikan bahawa pegangan itu masih terlalu teguh sekali. Satu daripada contoh yang dapat kita lihat ialah dari cara-cara menjampi orang sakit seperti 'jampi puteri' di Kelantan, adat memuja 'semangat padi' di Negeri Sembilan, 'memuja pantai' di Terengganu atau Kelantan dan lain-lain lagi.

Apa yang diterangkan di atas ialah yang telah dan selalu berlaku di kampung-kampung tetapi di bandar-bandar di mana penduduknya telah dipengaruhi oleh unsur-unsur barat, jarang terdapat perkara yang seperti itu. Walaupun begitu bukanlah bererti kepercayaan itu telah hilang langsung, misalnya jika sesuatu penyakit yang tidak diakui boleh sembuh oleh doktor, setengah-setengah orang sakit itu akan dibawa ke kampung

untuk diubati oleh dukun. Ini menunjukkan pada dasarnya kepercayaan mereka itu masih ada lagi pada sisi mereka.

Di dalam hal jampi-menjampi, waktu diadakan istiadat mendirikan rumah, mengerjakan kahwin dan sebagainya, pawang tidak ketinggalan dalam memainkan peranan penting. Contoh yang jelas dapat dilihat ialah di mana pawang dijemput untuk menghalau hujan bila hendak diadakan satu-satu upacara atau pesta.

Pendeknya berbagai-bagailah kepercayaan yang karut-karut itu ada pada orang-orang Melayu dahulu membawalah kepada hari ini masih berakar umbi lagi. Pada setengah-setengah orang Melayu, hantu dan mambang terlalu sekali besar kuasanya untuk merosakkan mereka. Jika anak-anak berjalan masuk belukar dan pulangnya terkena sakit, ia dikatakan 'terkena keteguran'. Dukunlah sahaja yang dapat dan tahu mengubati sakit itu (Mohtar Mohd. Dom, 1977)

2.2 Perubatan Tradisional

Setiap perubatan mempunyai kepentingannya serta kegunaannya bagi mengubati para pesakit yang menghidapi penyakit-penyakit. Pada zaman ini, perubatan tradisional

masih tidak diketepikan lagi walaupun terdapat perubatan moden yang lebih canggih yang mempunyai teknologi yang lebih tinggi di mata dunia. Perubatan tradisional pada masa kini telah menjadi perhatian masyarakat disebabkan banyak ubat-ubatan yang mampu merawat pesakit yang kronik sehingga ia mampu untuk sembuh. Ia juga mempunyai kelebihan dari segi kos rawatan. Kos yang digunakan adalah berpatutan dengan kemampuan masyarakat masa kini.

Pada sebahagian masyarakat, apabila pengubatan secara moden mengalami kegagalan, maka mereka akan beralih kepada ubat-ubatan secara tradisional. Kebiasaan hasil yang di perolehi lebih memuaskan dan sebab itulah ubatan tradisional masih lagi wujud walaupun sudah berumur berabad-abad lamanya (Aziz, 1985).

Penubuhan kumpulan untuk mengkaji tumbuhan ubatan bagi setiap negara adalah diperlukan. Kajian geografi , ekologi, taksonomi dan sebagainya perlu ada. Hal ini penting kerana tumbuhan ubat-ubatan yang tumbuh adalah berlainan di setiap kawasan yang berlainan. Negara-negara Asia hari ini kebanyakannya menjalankan penyelidikan mereka di dalam tumbuhan berubat. Banyak daripada spesies tumbuhan di Asia tersenarai dalam penghasilan nilai ubatan yang tinggi. Contoh tumbuhan adalah *Catharanthus*, *Rauwolfia*, *Coptis*, *Papaver*, *Panax*, *Cephaelis*, *Dioscorea* dan sebagainya (Nordin, 1991).

Perubatan tradisional masih lagi diperlukan. Ini disebabkan rata-rata masyarakat masih belum mampu lagi membiayai belanja dan kos perubatan moden yang lebih mahal dan tinggi. Bayaran perubatan tradisional lebih murah berbanding dengan perubatan moden. Ia bersesuaian dengan kemampuan masyarakat yang memiliki kehidupan dan pendapatan bulanan yang sederhana sahaja. Maksudnya, semakin canggih dan moden alatan yang digunakan dalam perubatan moden, maka semakin tinggi pula kos yang terpaksa di guna pakai oleh orang ramai. Contohnya, kos sebanyak RM20,000 adalah diperlukan untuk merawat sakit lemah jantung dengan menggunakan rawatan laser (Faizah, 1980).

2.3 Sejarah Daerah Tawau

2.3.1 Definisi

Bagaimakah keadaan Tawau dan persekitarannya pada abad ke 19? Orang-orang Eropah yang mendarat di kawasan pantai Borneo pada masa itu, menggambarkan Tawau sebagai satu dataran yang rendah, sukar dilalui, panas dan lembab, di duduki oleh lanun-lanun yang ganas dan juga berbahaya kerana terdapat penyakit-penyakit tropika yang tidak terkawal. Keadaan yang amat sukar ini tidak menggalakkan orang untuk menetap di Tawau. Walaubagaimanapun, senario tersebut berubah setelah tentera Inggeris berjaya menggalakkan lanun-lanun di Tawau.

RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar, 2001. *Adat Melayu Serumpun*. Penerbit Universiti Malaya, Malaysia.
- Ahmad Abdul Rahman. 1992. *Ubatan Tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Aziz, B. 1985. *Paku Pakis Ubatan Di Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Azizol Abd. Kadir. 1996. *Hutan Tropika Malaysia*. Sumber Bahan Herba. Kosmetik dan Farmaseutikal. Dewan Kosmik Disember. Ms. 3-5.
- Faizah, D. 1980. *Cara Untuk Mengelalkan Perubatan Tradisional*. Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gusni, S. 2003. *Komuniti Samah-Bajau di Bandar*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Muzium Sabah. Kota Kinabalu. 1992. *Pengenalan Kepada Sabah*. <http://www.sabah.org.my/>

Mario Domingo, 2003. *Nostalgia Kesatuan Sekerja Kastam Sabah, Cawangan Tawau, Sabah.*

Mohtar Mohd.Dom, 1977. *Kepercayaan dan Pantang Larang.* Federal Publication SDN. BHD, Selangor, Malaysia.

Nordin, A. 1991. *Kepelbagai Biologi dan Pemuliharaannya.* Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Norhalim Haji Ibrahim. 1997. *Perubatan Tradisional.* Penerbit Fajar Bakti SDN.BHD. Shah Alam.

Raymond Boin Tambung, 1991. *Keluarga Dusun.* Penerbitan Newland Management dan Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

Vancat, J.L. 1970. *Traditional Medicine.* Prentice Hall.

Zulhilmi, P. 2003. *Masyarakat di Malaysia.* Perpustakaan Negara Malaysia.

http://ms.wikipedia.org/wiki/Suku_Banjar

<http://ms.wikipedia.org/wiki/Tawau>

<http://www.sabah.org.my>